

KESAN PERLAKSANAAN KAEDAH SIMULASI SOLAT TERHADAP RUKUN FI'LI BAGI PELAJAR BERMASALAH PENDENGARAN

MOHD FAUZI BIN ISA

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS (PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan perlaksanaan kaedah simulasi solat terhadap rukun fi'li bagi pelajar bermasalah pendengaran dalam mempelajari subtajuk solat bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Aliran Vokasional. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 10 orang murid di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional di Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Ujian pencapaian (ujian pra-pasca) dijalankan untuk melihat kesan terhadap perlaksanaan kaedah simulasi solat dalam rukun fi'li ke atas pelajar bermasalah pendengaran. Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan ialah ujian penilaian, ujian amali dan senarai semak. Analisis data dilakukan secara perbandingan yang dapat dilihat secara visual di antara sebelum dengan selepas mendapat rawatan. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat kesan yang signifikan terhadap kaedah pengajaran simulasi solat ke atas pelajar bermasalah pendengaran berkaitan dengan peningkatan menghafal dan mengingat (23%), mempraktikan (28%) serta mengaplikasikan (45.2%) rukun fi'li berbanding kaedah tradisional dalam solat. Dengan adanya Senarai Semak dan BBM (video) yang lebih fokus kepada rukun fi'li, pelajar lebih jelas dan tahu akan kesilapan dalam melaksanakan rukun fi'li semasa melaksanakan solat. Implikasi dari kajian ini menunjukkan bahawa sampel yang dipilih iaitu pelajar bermasalah pendengaran adalah sangat terhad kerana bilangan mereka yang sedikit serta pendedahan terhadap intervensi awal juga memberi kesan terhadap dapatan kajian. Selain daripada itu didapati perlaksanaan kajian tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh mengikut piawaian pengkaji kerana pelaksana kurang memahami konsep simulasi serta tidak dapat melaksanakannya secara menyeluruh terhadap pelajar. Sumbangan kajian ini ialah pelajar lebih fokus serta dapat mengingat serta menghafal dalam jangka panjang. Guru boleh membantu pelajar untuk mempraktikkan rukun fi'li dengan betul dan sempurna hasil dari rutin semasa proses simulasi dijalankan. Guru juga boleh melihat pelajar melakukan secara individu dengan kadaran yang sebenar. Ada beberapa elemen-elemen penting yang perlu diberi penekanan sebelum melaksanakan sesuatu kaedah pengajaran iaitu ianya perlu berdasarkan kepada keadaan semasa yang mengikut keperluan pelajar, waktu semasa P&P dijalankan serta tahap psikologi pelajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



THE EFFECT OF SOLAT SIMULATION METHODS DUE TO THE TENETS OF *FI'LI* ON THE HEARING IMPAIRED STUDENTS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

Purpose of this study is to obtain the effect of *solat* simulation methods due to the tenets of *fi'li* on the hearing impaired students for the subject of Islamic Education for the special education student in Vocational school. The sample selected is a total of 10 male students in Secondary Vocational School for Special Education student in the state of Selangor. This study used a quasi-experimental design (quantitative and qualitative) with the design of pre-post test to see the effects of *solat* simulation methods on tenets of *fi'li* for hearing impaired students. In this study, the instruments that have been used are diagnostic test, practical test and check list. Analysis is done by comparing the data that can be seen visually in between before to after treatment. The results showed there was a significant effect of simulated teaching method on student prayer hearing problems associated with the increasing of memorize and remember (23%), practice (28%) and apply (45.2%) the tenets of *fi'li* in *solat* compared to traditional method. Check list and teaching aids (video) make the students more focus and also help them to improve a lot in practising *solat* in the right manner. The implications of this study show that the selected sample of hearing impaired students is very limited, early intervention and exposure also affects the findings. Apart from the implementation of the study cannot be fully implemented in accordance with the standards of the researcher as the executor did not understand the concept of a simulation and not been able to do a comprehensive examination of the student. The contribution of this study is that students are more focused and able to remember and memorize in the long term. Teachers can help students to practice the tenets *fi'li* correct and perfect results of routine during the simulation activities. Teachers can also see students do individually with the actual proportions. There are several important elements that need to be addressed before implementing a method of teaching that it should be based on the current situation in accordance with the needs of students, an appropriate time to carried out a suitable method and the level of student's psychology.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	9
1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	20
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Kesignifikhan / Kepentingan Kajian	22
1.7	Kerangka Konsep	24
1.7.1	Model Visual, Auditori, Kinestetik (VAK)	25
1.7.2	Rukun Fi'li	26
1.7.3	Idrak	26



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7.4	Afidah	26		
 05-4506832	 1.7.5. Malakah	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 27 ^a ptbupsi
1.7.6	Hafal dan Ingat Rukun Fi'li	27		
1.7.7	Menyempurnakan Rukun Fi'li	28		
1.7.8	Mempraktikkan Rukun Fi'li	28		
1.8	Definisi Konsep	28		
1.8.1	Simulasi	28		
1.8.2	Solat	30		
1.8.3	Masalah Pendengaran	32		
1.8.4	Rukun Solat	33		
1.9	Batasan Kajian	49		
1.10	Kesimpulan	51		

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	53
2.2	Pengajaran dan Pembelajaran	54
2.3	Pembelajaran Mengikut Ibn Khaldun	56
2.4	Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori, Kinestetik)	58
2.5	Bahan Bantu Mengajar	65
2.5.1	Konsep dan Kategori Bahan Bantu Mengajar	68
2.5.2	Prinsip dan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	68

2.5.3 Kepentingan Bahan Bantu Mengajar Terhadap



05-4506832



Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.6 Penggunaan Video Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	69
 2.6.1 Kebaikan Video	70
2.7 Pelajar Berkeperluan Khas Bermasalah Pendengaran	71
2.8 Tahap Kognitif Pelajar Bermasalah Pendengaran	76
2.9 Alat Bantu Dengar	79
2.10 Pendidikan Khas Dalam Sistem Pendidikan Malaysia	83
2.11 Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Pelajar	
 2.12 Kaedah Simulasi Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	93
 2.12.1 Ciri-Ciri Simulasi	98
 2.13 Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan	99
 2.13.1 Kajian Luar Negara	101
 2.13.2 Kajian Dalam Negara	103
 2.14 Kaedah Simulasi dan Pelajar Berkeperluan Khas	106
 2.15 Solat dan Pelajar Bermasalah Pendengaran	110



05-4506832



Bermasalah Pendengaran

Kaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.16 Perlaksanaan Komponen Ibadah Solat (Rukun Fi'li)

 05-4506832	 Pelajar Bermasalah Pendengaran	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 115 ptbupsi
2.17	Pergerakan Solat Mengikut Cara Rasulullah S.A.W.			120
2.18	Kesimpulan			130

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	131
3.2	Reka Bentuk Kajian	132
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	135
3.4	Kaedah Simulasi Solat Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Rukun Fi'li Bagi Pelajar Bermasalah Pendengaran	138
3.5	Instrumen Kajian	144
3.5.1	Ujian Diagnostik	145
3.5.2	Ujian Pencapaian	145
3.5.3	Ujian Amali Solat	147
3.5.4	Senarai Semak	149
3.5.5	Rakaman Video	151
3.5.6	VCD Panduan Solat Dalam Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)	153
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	160

3.7 Kajian Rintis	164
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun  ptbupsi 166
3.8 Prosedur Kajian	
3.8.1 Ujian Pra	168
3.8.2 Ujian Pasca	169
3.9 Tatacara Pengumpulan Data	169
3.10 Penganalisisan Data	171
3.11 Kesimpulan	172

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	173
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun  ptbupsi 174
4.2 Latar Belakang Responden	
4.3 Dapatan Kajian	175
4.3.1 Persoalan Kajian Pertama:	
Adakah kaedah pembelajaran simulasi solat boleh meningkatkan keupayaan pelajar bermasalah pendengaran untuk menghafal dan mengingat rukun fi'li dalam solat?	176
4.3.2 Persoalan Kajian Kedua:	
Adakah kaedah simulasi solat dapat memberi kesan terhadap tahap pencapaian pelajar bermasalah pendengaran dalam mempraktikkan rukun fi'li dalam solat?	183

4.3.3 Persoalan Kajian Ketiga:

05-4506832  pustaka.upsi.edu.my Adakah pelajar bermasalah pendengaran dapat melaksanakan rukun fi'li dengan sempurna  ptbupsi

4.4 Kesimpulan **198**

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan **199**

5.2 Perbincangan **200**

5.2.1 Kaedah pembelajaran simulasi solat boleh meningkatkan keupayaan pelajar bermasalah pendengaran untuk menghafal dan mengingat rukun fi'li dalam solat.

05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

5.2.2 Kesan kaedah simulasi solat terhadap pelajar bermasalah pendengaran dalam mempraktikan rukun fi'li dalam solat. **208**

5.2.3 Kesan perlaksanaan rukun fi'li dalam solat pelajar bermasalah pendengaran. **209**

5.3 Kesimpulan Dapatan Kajian **210**

5.4 Implikasi Dapatan Kajian **213**

5.5 Sumbangan Dapatan Kajian **215**

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan **218**

05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

220

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 05-4506832                	Tiga Belas Rukun Solat 35
2.1 Tahap Kehilangan Pendengaran	73
3.1 Reka Bentuk Kajian	135
3.2 Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Amali	149
3.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	163
3.4 Nilai Koefisien Kesahan	164
3.5 Jadual Perlaksanaan Kajian	170
4.1 Analisis Data Demografi Responden Kajian	175
4.2 Skor Ujian Pencapaian Untuk Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	178
4.3 Skor Ujian Pencapaian Bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	180
4.4 05-4506832                	Perbezaan Skor Antara Responden Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan 182
4.5 Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Amali Bagi Responden Kumpulan Rawatan	184
4.6 Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Amali Bagi Responden Kumpulan Kawalan	188
4.7 Tahap Pencapaian Keseluruhan Ujian Amali Pasca Bagi Responden Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	189
4.8 Tahap Pencapaian Senarai semak Pemerhatian Bagi Responden Kumpulan Rawatan	191
4.9 Senarai Semak Pemerhatian Kumpulan Rawatan	196

SENARAI RAJAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1	Model Pembelajaran	57
3.1	Fasa Reka Bentuk Kajian	134
4.1	Perbezaan Skor Ujian Pencapaian Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Antara Responden Kumpulan Rawatan	179
4.2	Perbezaan Skor Ujian Pencapaian Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Antara Responden Kumpulan Kawalan	181
4.3	Perbezaan Skor Ujian Pencapaian Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Antara Responden Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	182



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
GPI	Guru Pendidikan Islam
MFD	Malaysian Federation of The Deaf (Persatuan Orang Pekak Malaysia)
BBM	Bahan Bantu Mengajar
VAK	Visual, Auditori, Kinestetik
dB	Desibel (Unit bagi Kekuatan Bunyi)
ABD	Alat Bantu Dengar
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PBK	Pengajaran Berbantukan Komputer
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ASL	American Sign Language



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Solat adalah merupakan ibadah yang penting, istimewa dan unik. Solat 5 waktu merupakan suatu kewajipan kepada umat Islam setelah peristiwa Isra' dan Mikraj. Semasa peristiwa Isra' dan Mikraj, solat fardhu 5 waktu sehari semalam telah diterima sendiri oleh Rasulullah S.A.W pada malam Isra' dan Mikraj bersamaan dengan 27 Rejab, iaitu setahun sebelum Nabi Muhammad S.A.W berhijrah ke Madinah. Nabi Muhammad S.A.W. telah bertemu dengan Allah S.W.T lalu diperintahkan untuk melakukan solat 50 kali sehari. Nabi Muhammad meminta dikurangkan waktu solat tersebut dari 50 waktu hingga ke 5 waktu kerana baginda tahu bahawa umatnya tidak mampu untuk melakukan solat sebanyak 50 waktu. Maka bermulalah perintah untuk menunaikan solat 5 waktu sehari semalam. (Terjemahan dari hadith yang terdapat dalam kitab Sahih Muslim – Kitab al-Iman, halaman 162).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Allah S.W.T telah memerintahkan (mewajibkan) solat 5 waktu kepada Rasulullah S.A.W dan umat-umatnya yang telah akil baligh. Firman Allah S.W.T dalam surah An-Nisa', ayat 103 yang bermaksud: "Sesungguhnya sembahyang itu adalah ketetapan (wajib) ke atas orang-orang yang beriman pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Wasiat terakhir Rasulullah S.A.W. kepada hambanya sebelum wafat adalah solat. Rasulullah S.A.W bersabda: "Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang pada usia tujuh tahun dan pukullah dia kerana sembahyang pada usia sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka di tempat tidur". (Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam (jilid satu) Abdullah Nasih Ulwan- Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura. m/s 179).

Dalam Islam, solat adalah salah satu dari rukun Islam yang lima, yang wajib ditunaikan oleh setiap individu muslim mengikut syarat rukun yang tertentu. Solat adalah merupakan komunikasi atau hubungan langsung di antara seseorang hamba dengan Allah S.W.T.

Solat dilaksanakan dengan persediaan kepada rukun solat dan waktu yang telah ditetapkan Allah S.W.T. kepada umat Islam seluruh dunia mengikut waktu-waktu kawasan masing-masing. Tiadalah yang terlepas dari melaksanakan solat 5 waktu ini. Rasulullah S.A.W. bersabda: "Kunci syurga itu adalah solat". (Sumber: Penenang Jiwa (Pengubatan dan Rawatan)-Penulis: Imam Al-Ghazali – Penterjemahan: Muhammad Qadirun Nur – Penerbit : Wholesale-Mart Business Point Sdn Bhd Selangor 1992. Muka Surat 221). Rasulullah S.A.W. bersabda bahawa solat adalah tiang agama, maka siapa yang mendirikan solatnya maka tertegaklah agamanya, dan siapa yang tidak menunaikan solatnya maka runtuhlah solatnya. (Sumber: Penenang Jiwa (Pengubatan dan Rawatan)-Penulis: Imam Al-Ghazali –

Penterjemahan: Muhammad Qadirun Nur – Penerbit: Wholesale-Mart Business Point

Sdn Bhd Selangor 1992. Muka surat 221).

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

Kaedah secara praktis lebih sesuai dalam mengajar rukun-rukun solat kepada anak-anak kerana ianya akan tersimpan dalam memori mereka. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda: “ Kamu dirikanlah solat sebagaimana kamu melihat aku solat.” [Sumber: Mughni al-Muhtaj, Al-Khatib al-Syirbini, 1/120 (Cet. Dar al-Fikr] iaitu terdapat dua cara untuk mengajar rukun-rukun solat iaitu secara praktis dan secara teori. Contohnya Jibrail turun menemui dan mengajar Nabi Muhammad S.A.W. solat secara langsung sambil memberi penjelasan mengenai batas waktu setiap solat yang bermula dengan Zuhur diikuti Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Perhatikan cara Rasulullah S.A.W. mengajar para sahabat melaksanakan solat. Baginda berdiri di atas mimbar, manakala para sahabat memerhatikannya yang menjelaskan cara-cara solat.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi Baginda mempraktikkannya secara langsung di hadapan mereka dan jika hendak sujud, maka baginda akan turun dari mimbar. Begitulah cara Rasulullah S.A.W. mengajar para sahabat mengerjakan solat, yakni dengan menitikberatkan aspek praktis dan latihan secara langsung. Seterusnya cara tersebut digunakan oleh para sahabat untuk mengajar suku-suku dan keluarga mereka bersolat. Bedasarkan dari apa yang nabi buat, kaedah simulasi adalah lebih berkesan dalam mengajar rukun-rukun solat.

Tertib adalah rukun yang merangkumi keseluruhan rukun solat iaitu memastikan segala perlakuan rukun berada pada turutan yang betul satu demi satu dan yang mana dahulu didahulukan serta yang kemudian dilakukan kemudian, jika tidak solat itu akan terbatal. Kadang-kadang terdapat cara-cara amalan yang dilakukan tidak

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

tidak menepati dengan kehendak ibadah solat yang telah disyariatkan. Kesemua rukun fi'li dalam solat melibatkan tertib serta perlakuan yang sempurna seperti yang telah disyariatkan. Rukun-rukun fi'li dalam solat mestilah diperlakukan mengikut garis panduan seperti yang telah diterangkan dan dijelaskan di dalam hadis. Rasulullah S.A.W bersabda: "Amal yang mula-mula ditanyakan pada hamba pada hari kiamat adalah solatnya. Jika solatnya baik, sungguh beruntung dan selamatlah dia. Jika solatnya tidak dijaga, sungguh rugilah dia". [Sumber: Penenang Jiwa (Pengubatan dan Rawatan)-Penulis: Imam Al-Ghazali – Penterjemahan: Muhammad Qadirun Nur – Penerbit: Wholesale-Mart Business Point Sdn Bhd Selangor 1992. Muka surat 222].

Hasil dari temubual dengan ibu bapa pelajar bermasalah pendengaran, ramai daripada mereka bertanyakan tentang hukum dan isu-isu berkaitan solat mengikut tuntutan agama Islam bagi anak mereka yang bermasalah pendengaran. Terdapat banyak pendapat serta pandangan yang berlainan yang menimbulkan implikasi besar kepada pelajar bermasalah pendengaran serta ibu bapa dalam melaksanakan proses pendidikan berkaitan solat di rumah.

Menurut Baharom Mohamad et al. (2011), sistem pendidikan masa kini sedang mengalami perubahan yang amat pesat sekali. Pelbagai kaedah baru telah diperkenalkan serta digunakan supaya pengajaran seseorang guru menjadi lebih berkesan dan pembelajaran murid menjadi lebih bermakna. Pada masa kini pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mula diperkenalkan dan kini dengan era teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat, ianya semakin mendapat perhatian ramai. Hal ini adalah kerana penggunaan ICT menjanjikan potensi besar dalam mengubah cara



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat dan sebagainya.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Begitu juga dengan mata pelajaran Pendidikan Islam yang juga tidak dapat lari daripada tempias ledakan ICT ini. Aplikasi ICT dalam Pendidikan Islam oleh guru Pendidikan Islam telah mengubah proses pengajaran dan pembelajaran menjadikan ia lebih menarik dan berkesan. Hal sedemikian adalah kerana mata pelajaran Pendidikan Islam umumnya melibatkan beberapa komponen yang dilihat bersesuaian dengan tema penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Menurut Ab. Halim et al. (2004), kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan topik ibadat adalah kaedah amali dan juga pengajaran berbantuan teknologi maklumat. Namun, permasalahan yang dapat dilihat pada hari ini ialah penggunaan ICT dalam kalangan guru Pendidikan Islam kurang diaplikasikan terutamanya dalam pengajaran topik ibadah haji.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Pelajaran ibadat solat merupakan salah satu topik yang mencabar bagi guru Pendidikan Islam (GPI) kerana ia memerlukan kepada pengetahuan yang tinggi dari segi rukun qalbi, rukun fi'li dan rukun qauli dalam ibadat solat. Hal sedemikian telah menimbulkan kekangan dalam P&P ibadat solat bagi GPI untuk mengajar pelajar berkeperluan khas bermasalah pendengaran kerana pelajar ini mempunyai kekurangan dan sukar untuk memahami perkataan yang mempunyai pelbagai makna dan konsep-konsep yang abstrak, Safani Bari (2004).

Ini adalah kerana pelajar-pelajar bermasalah pendengaran mempunyai kesukaran dalam menguasai dan memahami kurikulum dan sukatan yang diberikan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

disebabkan oleh faktor-faktor keupayaan mental golongan bermasalah pendengaran berbeza dengan golongan biasa disebabkan kekurangan rangsangan deria pendengaran dan pertuturan yang mereka alami. Oleh itu, sedikit kekurangan kepada golongan bermasalah pendengaran memberi impak besar terhadap tahap kognitif mereka untuk menerima sesuatu maklumat. Pendapat ini diperkuuhkan lagi oleh Woolfolk (1998), yang menegaskan bahawa pemprosesan maklumat merupakan aktiviti mental manusia yang berkaitan dengan proses menerima maklumat, menyimpan dan mengeluarkannya semula untuk digunakan. Aktiviti ini melibatkan sensori ingatan yang melibatkan deria penglihatan, deria pendengaran, deria rasa, deria bau dan sentuhan.

Hamdi Ishak (2012) menyatakan bahawa masalah utama kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah mendengar, oleh itu kaedah yang paling sesuai bagi P&P kepada mereka adalah memperbanyak pendekatan pengajaran yang menggunakan penglihatan (visual) dan kinestetik. Menurut Tileston (2005), kajian-kajian mengenai otak mendapati bahawa hanya 20% pelajar yang belajar melalui pendengaran, manakala 80% lagi belajar melalui penglihatan atau kinestetik. Sousa (2006) telah mengemukakan kajian berkaitan dengan kebolehan mengingat 24 jam selepas pembelajaran berlaku mengikut kaedah pengajaran; 5% selepas syaran, 10% selepas membaca, 20% selepas audiovisual, 30% selepas demonstrasi, 50% selepas perbincangan kumpulan, 75% selepas praktikal dan 90% mengajar yang lain atau terus mengamalkan pembelajaran tersebut.

Menurut Ab. Halim et al. (2004), kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan topik ibadat solat adalah kaedah amali dan juga pengajaran berbantukan teknologi maklumat. The National Deaf Children Society (2004) mencadangkan penggunaan

BBM sumber visual semasa P&P. Memandangkan kaedah amali bagi ibadat solat memerlukan penggunaan masa yang panjang dan perancangan yang strategik. Justeru, guru seharusnya menggunakan kaedah pengajaran berbantuan ICT sekiranya tidak mampu melaksanakan kaedah amali. Menurut Khalid (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum.

Menurut Mok (2000), kaedah pengajaran merupakan satu cara mendekatkan objektif pengajaran dengan langkah pencapaian yang tersusun. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), kaedah pengajaran pula merupakan peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancangkan dengan teratur. Terdapat pelbagai jenis kaedah yang boleh digunakan dalam proses pengajaran. Antara kaedah-kaedah pengajaran adalah seperti tunjuk cara, amali, projek, simulasi, syarahan, latih tubi dan perbincangan. Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai menyempurnakan rukun fi'li dalam solat pelajar bermasalah pendengaran dengan menggunakan kaedah simulasi.

Kaedah simulasi dianggap cara yang sesuai untuk mengajar pelajar bermasalah pendengaran kerana mereka boleh menggunakan penglihatan untuk memahami sesuatu arahan atau maklumat yang ingin disampaikan dengan mudah. Menurut Marschark et al. (2000), pelajar pekak lebih banyak bergantung kepada deria penglihatan dan apa yang mereka lihat untuk mendapatkan maklumat dan untuk memahami sesuatu perkara. Ini adalah kelebihan disebalik kekurangan yang ada pada diri mereka. Hasil dari kajian Susan R. Easterbrooks dan Melody Stoner (2009),



pelajar bermasalah pendengaran sukar memahami penerangan dalam bentuk ayat atau perkataan. Bahan bantu mengajar berbentuk visual banyak digunakan dalam usaha untuk memperjelaskan maksud ayat tersebut.

Menurut Smith (2003), pelajar bermasalah pendengaran lebih cenderung kepada kaedah pembelajaran secara visual kerana mereka dapat memahami dengan lebih jelas lagi kerana mereka dapat melihat dan berhadapan dengan situasi yang sebenar. Chipman et al. (2006), berpendapat bahawa kaedah pembelajaran berbentuk demonstrasi dapat membantu pelajar bermasalah pendengaran untuk memahami sesuatu konsep yang baru dengan lebih jelas lagi. Anggapan ini diperkuatkan lagi oleh Nggermanto (2005:57), yang menyatakan bahawa dengan menggunakan kombinasi penglihatan (mata), bunyi (telinga), gerak (tangan dan kaki), bau (hidung) dan rasa (lidah) akan tercipta memori yang kuat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Golongan pekak adalah sebahagian daripada golongan yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), Bahagian II, Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya mendefinisikan orang kurang upaya sebagai orang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuh atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian daripada itu.

Mereka memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti.

Woolfolk (1998) juga menyatakan pendapat yang sama iaitu pelajar-pelajar bermasalah pendengaran mempunyai kesukaran dalam menguasai dan memahami kurikulum dan sukan yang diberikan disebabkan oleh faktor-faktor keupayaan mental golongan bermasalah pendengaran berbeza dengan golongan biasa disebabkan kekurangan rangsangan deria pendengaran dan pertuturan yang mereka alami. Sedikit kekurangan kepada golongan bermasalah pendengaran memberi impak besar terhadap tahap kognitif mereka untuk menerima sesuatu maklumat. Guru perlu menitikberatkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar. Pengajaran tidak akan berkesan tanpa adanya kaedah dan BBM yang sesuai serta dapat menarik minat pelajar. Kesesuaian kaedah tersebut pula perlu diteliti supaya ianya tidak terlalu membebankan guru dan tidak pula membosankan pelajar.

Oleh itu masalah utama kajian ini ialah untuk melihat kesan sama ada kaedah pembelajaran simulasi solat dapat menyempurnakan rukun fi'li pelajar bermasalah pendengaran mempelajari subtajuk solat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Kajian ini juga perlu untuk melihat kekuatan dan kelemahan kandungan yang ada dalam VCD Solat Dalam Bahasa Isyarat Malaysia terbitan MFD dengan harapan bahan ini nanti mungkin akan dapat mewujudkan satu keseragaman pelaksanaan kaedah simulasi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subtajuk solat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam untuk murid-murid bermasalah pendengaran khususnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian daripada itu.

Mereka memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti.

Woolfolk (1998) juga menyatakan pendapat yang sama iaitu pelajar-pelajar bermasalah pendengaran mempunyai kesukaran dalam menguasai dan memahami kurikulum dan sukan yang diberikan disebabkan oleh faktor-faktor keupayaan mental golongan bermasalah pendengaran berbeza dengan golongan biasa disebabkan kekurangan rangsangan deria pendengaran dan pertuturan yang mereka alami. Sedikit kekurangan kepada golongan bermasalah pendengaran memberi impak besar terhadap tahap kognitif mereka untuk menerima sesuatu maklumat. Guru perlu menitikberatkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar. Pengajaran tidak akan berkesan tanpa adanya kaedah dan BBM yang sesuai serta dapat menarik minat pelajar. Kesesuaian kaedah tersebut pula perlu diteliti supaya ianya tidak terlalu membebankan guru dan tidak pula membosankan pelajar.

Oleh itu masalah utama kajian ini ialah untuk melihat kesan sama ada kaedah pembelajaran simulasi solat dapat menyempurnakan rukun fi'li pelajar bermasalah pendengaran mempelajari subtajuk solat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Kajian ini juga perlu untuk melihat kekuatan dan kelemahan kandungan yang ada dalam VCD Solat Dalam Bahasa Isyarat Malaysia terbitan MFD dengan harapan bahan ini nanti mungkin akan dapat mewujudkan satu keseragaman pelaksanaan kaedah simulasi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran subtajuk solat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam untuk murid-murid bermasalah pendengaran khususnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



1.3 Penyataan Masalah

Menurut Ruslan Mamat (2007) buku tulisannya yang bertajuk *38 Kesilapan Umum di Sekitar Solat (Dengan Berpandukan Tatacara Solat Rasulullah S.A.W)*, menyatakan bahawa terdapat pelbagai ragam kesalahan yang dilakukan oleh orang yang mengerjakan solat. Yang paling nyata, ramai di kalangan mereka solat tanpa menitik beratkan *thuma'ninah*. Langsung tidak ada ketenangan ketika mereka mengerjakan solat. Mereka solat nak cepat selesai. Mereka solat seperti melepaskan 'beban' yang terpaksa dipertanggungjawabkan kepada mereka sebagai umat Islam. Waktu rukuk, dilakukan secara ala kadar sahaja. Waktu iktidal, belum pun benar-benar berdiri lurus, dah nak sujud. Waktu sujud, kepala terlalu menonggeng, dahi dan hidung tidak kena tempat sujud. Malah ada juga imam jema'ah yang termasuk dalam golongan '*tidak menitik beratkan thuma'ninah*' ini.

Menurut Mohd Ayob Awaf & A'dawiyah Ismail (2013), hanya 42.2% ibu bapa yang membantu anak dalam melaksanakan amali solat di rumah. Manakala Utusan Malaysia (2012) melaporkan bahawa lebih 15000 pelajar Tahun Dua hingga Tahun Enam di Terengganu yang tidak menunaikan solat atau tidak tahu pelaksanaan solat. Lebih menggusarkan ialah angka itu mungkin meningkat berkali ganda jika kajian yang sama dilakukan di negeri-negeri lain.

Secara umumnya, orang yang bermasalah pendengaran adalah termasuk dalam golongan mukallaf dan mereka ditaklifkan dengan hukum-hukum syarak sama seperti

